

MESAN PE-BANGUNAN PERUMAHAN DI TAMBE
TANGGE LING, GUNUNG MUNG, KELANTAN
TERHADAP SISIO-EKONOMI PENDUDUK

DR. FAZILAH BINTI MOHD. NOOR

FAKULTI PENGUPUSAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

2008

C/MS 8825

1100089086



LP 42 FPE 2 2009



1100089086

Kesan pembangunan pertanian di Tanah Tinggi Lojing, Gua Musang, Kelantan terhadap sosio-ekonomi penduduk / Nur Fauzani Mohd Noor.

**PUSAT PEMBELAJARAN DIGITAL SULTANAH NUR ZAHIRAH
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU (UMT)
21030 KUALA TERENGGANU**

1100089086		

Lihat Sebelah

HAK MILIK
PUSAT PEMBELAJARAN DIGITAL SULTANAH NUR ZAHIRAH

**KESAN PEMBANGUNAN PERTANIAN DI TANAH
TINGGI LOJING, GUA MUSANG, KELANTAN
TERHADAP SOSIO-EKONOMI PENDUDUK**

**NUR FAUZANI BINTI MOHD NOOR
SM EKONOMI (SUMBER ALAM)**

**FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU**

(UMT)

2009

PENGAKUAN

Saya akui bahawa Kertas Projek (EKN 4399A/B) ini adalah hasil kajian saya sendiri kecuali sumber-sumber yang telah saya jelaskan rujukannya.

Tarikh : 26 APRIL 2009

Tandatangan: 

Nama Pelajar : Nur Fauzani Binti Mohd Noor

Nombor Matrik : UK 14048

DECLARATION

I hereby declare this Project Paper (EKN 4399A/B) is the result of my own investigation and findings, accept where otherwise stated.

Date: 26 APRIL 2009

Signature: 

Students Name : Nur Fauzani Binti Mohd Noor

Matric Number: UK 14048

PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah Yang Maha Pengasih Lagi Maha Penyayang

Alhamdulillah syukur ke hadrat ilahi kerana dengan izinNya, saya dapat menyiapkan Kertas Ilmiah ini pada waktu yang ditetapkan. Jutaan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam membantu saya menyiapkan Kertas Ilmiah ini. Sekalung penghargaan dan ribuan terima kasih saya ucapkan kepada Cik Noor Haslina Binti Mohd Akhir selaku penyelia Kertas Ilmiah ini yang telah banyak meluangkan masa serta memberikan nasihat, tunjuk ajar serta pandangan agar Kertas Ilmiah ini dapat disiapkan dengan lengkap dan menepati waktu yang ditetapkan.

Penghargaan juga ditujukan kepada Unit Perancang Ekonomi Negeri Kelantan, Jabatan Pertanian Negeri Kelantan, Pejabat Tanah dan Jajahan Gua Musang Kelantan serta Lembaga Kemajuan Kemubu Kelantan (KADA) yang banyak memberi maklumat kepada saya. Tidak lupa juga kepada penduduk dan peserta yang terlibat dengan aktiviti pertanian di Tanah Tinggi Lojing, Gua Musang, Kelantan kerana sudi meluangkan masa dalam melengkapkan borang soal selidik yang diedarkan. Jutaan terima kasih juga kepada insan yang banyak memberi sokongan kepada saya iaitu ibu saya, keluarga, para pensyarah dan rakan-rakan seperjuangan di Jabatan Ekonomi, Fakulti Pengurusan dan Ekonomi kerana membantu mengedarkan borang soal selidik serta memberi pandangan untuk menyiapkan kertas ilmiah ini.

ABSTRAK

Pertanian merupakan salah satu penyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara. Kajian ini bertujuan untuk melihat impak pembangunan pertanian di Tanah Tinggi Lojing kepada sosio-ekonomi penduduk di Tanah Tinggi Lojing, Gua Musang, Kelantan ke atas sosio-ekonomi penduduk. Analisis deskriptif digunakan bagi menganalisis data primer yang diperolehi dari soal selidik yang dijalankan ke atas 100 orang responden. Hasil kajian mendapati bahawa pertanian di Tanah Tinggi Lojing memberikan kesan yang positif ke atas sosio-ekonomi penduduk.

ABSTRACT

Agriculture is one of the sector that contribute to national economy growth. The aim of this study is to analyze the agricultural development impact at Lojing Highland, Gua Musang, Kelantan on socio-economic population in Lojing Highland, Gua Musang, Kelantan. The Descriptive analysis has been used to analyze the primary data that collected from 100 respondents. The finding shows that the agriculture project in Lojing Highland has a positive impact on socio-economic population.

SENARAI JADUAL

- Jadual 1.1 KDNK Negeri Kelantan Bagi Tahun 2000 Hingga 2005
- Jadual 1.2 Pengeluaran Hasil Tanaman Di Tanah Tinggi Lojing, Gua Musang, Kelantan Pada Januari 2008 Hingga Jun 2008
- Jadual 1.3 Pelan Tindakan Pembangunan Sepuluh Tahun Jabatan/ Agensi/ Syarikat Di Tanah Tinggi Lojing Dari Tahun 2006 Hingga 2015
- Jadual 1.4 Pelan Induk Pembangunan Pertanian Di Tanah Tinggi Lojing
- Jadual 1.5 Senarai Nama Peserta Yang Terlibat Serta Tarikh Permulaan Menyertai Aktiviti Pertanian Dalam Program Pembangunan Pertanian Di Tanah Tinggi Lojing, Gua Musang, Kelantan
- Jadual 4.1 Faktor-Faktor Yang Mendorong Responden Mengikuti Projek Pertanian Di Tanah Tinggi Lojing
- Jadual 4.2 Coefficient
- Jadual 4.3 ANOVA
- Jadual 4.4 Hubungan Antara Tingkat Pendapatan Dengan Tahap Pendidikan

SENARAI RAJAH

- Rajah 1.1 Peta Kawasan Stesen Pertanian Lojing, Gua Musang, Kelantan
- Rajah 3.1 Rangka Kerja Penyelidikan
- Rajah 3.2 Rangka Kerja Teoritikal (Data Primer)

SENARAI CARTA

- Carta 4.1 Bilangan Responden Mengikut Jantina
- Carta 4.2 Bilangan Responden Mengikut Bangsa
- Carta 4.3 Bilangan Responden Mengikut Taraf Perkahwinan
- Carta 4.4 Bilangan Responden Mengikut Kumpulan Umur
- Carta 4.5 Bilangan Responden Mengikut Tahap Pendidikan
- Carta 4.6 Pendapatan Responden
- Carta 4.7 Bilangan Tanggungan Responden
- Carta 4.8 Tahap Persetujuan Responden Terhadap Pertanian Di Tanah Tinggi Lojing
- Carta 4.9 Pertanian Di Tanah Tinggi Lojing memberi Kesan Positif Terhadap Sosio-Ekonomi Penduduk
- Carta 4.10 Pertanian Di Tanah Tinggi Lojing Mendapat Sambutan Dari Masyarakat Setempat
- Carta 4.11 Pertanian Di Tanah Tinggi Lojing Perlu Diteruskan Pada Masa Akan Datang
- Carta 4.12 Pertanian Di Tanah Tinggi Lojing Menyebabkan Penambahbaikan Dalam Kemudahan Infrastruktur
- Carta 4.13 Modal Yang Diberikan Oleh Pihak Kerajaan Mencukupi
- Carta 4.14 Kos Penyelenggaraan Tinggi
- Carta 4.15 Tahap Pendidikan Responden Mempengaruhi Pendapatan
- Carta 4.16 Teknologi Moden Mempengaruhi Hasil Pengeluaran Tanaman Pertanian Di Tanah Tinggi Lojing

SENARAI SIMBOL/SINGKATAN/TATANAMA/ISTILAH

KDNK	Keluaran Dalam Negara Kasar
DPN	Dasar Pertanian Negara
YAKIN	Yayasan Kelantan Darulnaim
KADA	Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu
PKINK	Perbadanan kemajuan Iktisad Negeri Kelantan
SPSS	Statistical Package for the Social Sciences
TIKS	Tabung Industri Kecil dan Sederhana
3F	Fund for Food
GLC	Bank Milik Kerajaan
MARDI	Penyelidikan Pertanian Malaysia
LPP	Lembaga Pertubuhan Peladang
FAMA	Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan
MADA	Lembaga Kemajuan Pertanian Muda
MPIB	Lembaga Industri Nenas Malaysia

SENARAI KANDUNGAN

MUKA SURAT

PENGAKUAN	i
PENGHARGAAN	ii
ABSTRAK	iii
ABSTRACT	iv
SENARAI JADUAL	v
SENARAI RAJAH	vi
SENARAI CARTA	vii
SENARAI SIMBOL/SINGKATAN/TATANAMA/ISTILAH	viii
SENARAI KANDUNGAN	ix
BAB 1 : PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kawasan Kajian	3
1.3 Permasalahan Kajian	18
1.4 Objektif Kajian	
1.4.1 Objektif Umum	19
1.4.2 Objektif Khusus	19
1.5 Skop Kajian	19
1.6 Kepentingan Kajian	20
1.7 Organisasi Kajian	21
BAB 2 : SOROTAN KAJIAN	
2.1 Pendahuluan	22
2.2 Sorotan Kajian	22
BAB 3 : METODOLOGI	
3.1 Pengenalan	25
3.2 Rangka Kerja	
3.2.1 Rangka Kerja Penyelidikan	26
3.2.2 Rangka Kerja Teoritikal	28
3.3 Sumber Data	30
3.4 Model Regrasi Mudah Bagi Data Primer	30
3.4.1 Hipotesis	31
BAB 4 : ANALISIS KAJIAN	
4.1 Pendahuluan	32
4.2 Analisis Deskriptif	32
4.2.1 Jantina Responden	33
4.2.2 Bangsa	34

4.2.3 Status Perkahwinan	35
4.2.4 Umur Responden	36
4.2.5 Tahap Pendidikan Responden	37
4.3 Analisis Frekuensi	
4.3.1 Pendapatan Responden	38
4.3.2 Tanggungan Responden	39
4.4 Persepsi Individu Terhadap Aktiviti Pertanian Di Tanah Tinggi Lojing	
4.4.1 Pendapat Tentang Kewujudan Pembangunan Pertanian Di Tanah Tinggi Lojing	40
4.4.2 Kesan Terhadap Sosio-Ekonomi Penduduk	41
4.4.3 Sambutan Masyarakat Setempat	42
4.4.4 Pembangunan Pertanian Di Tanah Tinggi Lojing Perlu Diteruskan Pada Masa Akan Datang	43
4.4.5 Penambahbaikan Dalam Kemudahan Infrastruktur	44
4.4.6 Modal	45
4.4.7 Kos Penyelenggaraan	46
4.4.8 Tahap Pendidikan Mempengaruhi Pendapatan	47
4.4.9 Penggunaan Teknologi Moden Mempengaruhi Hasil Pengeluaran Tanaman Pertanian	48
4.5 Faktor-Faktor Yang Mendorong Responden Mengikuti Projek Pertanian Di Tanah Tinggi Lojing	49
4.6 Masalah Yang Dihadapi	50
4.7 Analisis Model Kajian	
4.7.1 Analisis Regresi Mudah	50
4.7.2 Ujian Signifikan	51
4.8 Analisis Crosstabs	
4.8.1 Analisis Antara Pendapatan Dengan Tahap Pendidikan	54
4.9 Kesimpulan	55
BAB 5 : CADANGAN DAN KESIMPULAN	
5.1 Pendahuluan	56
5.2 Dapatan Kajian	56
5.3 Cadangan Kajian	58
5.4 Kesimpulan	60
RUJUKAN	61
LAMPIRAN	62

BAB 1

PENGENALAN

1.1 PENDAHULUAN

Setelah mencapai kemerdekaan, sektor pertanian merupakan salah satu penyumbang terbesar dalam pertumbuhan ekonomi negara Malaysia. Ini dapat dibuktikan apabila sektor pertanian menyumbangkan sebanyak 47 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara Malaysia pada tahun 1957. Pada tahun 1966, sektor pertanian menjadi rezeki kepada kira-kira 80.3 peratus daripada jumlah keseluruhan tenaga kerja dalam negara. Walaubagaimanapun, perubahan ekonomi dunia serta kemunculan pelbagai peluang ekonomi yang lain seperti sektor perindustrian dan pembuatan telah menyebabkan struktur ekonomi Malaysia berubah. Malah, sumbangannya kepada KDNK negara pada tahun 2003 pula hanya kira-kira 8.45 peratus sahaja. Kira-kira 80 peratus daripada produk pertanian Malaysia terdiri daripada makanan segar manakala selebihnya adalah untuk diproses.

Sektor pertanian terus menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara dan menjadi sumber pendapatan kepada ekonomi negeri serta petani. Penggubalan dan pelaksanaan tiga Dasar Pertanian Negara (DPN) sejak tahun 1984 dalam memajukan sektor pertanian merupakan tindakan yang perlu diambil dan harus disokong oleh semua pihak demi kebaikan bersama. DPN Pertama iaitu dari tahun 1984 hingga tahun 1991 bertujuan memberi penekanan kepada pembangunan sektor pertanian yang berorientasikan eksport. DPN Kedua (1992 hingga 1997) lebih memberi penekanan kepada peningkatan produktiviti, kecekapan dan persaingan. Manakala DPN Ketiga (1998 hingga 2010) pula bermatlamat untuk meningkatkan daya saing sektor pertanian berikutan liberasi perdagangan antarabangsa.

Bagi negeri Kelantan, sektor pertanian merupakan penyumbang kedua terbesar kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Kelantan selepas sektor perkhidmatan. Ini dapat digambarkan melalui Jadual 1.1, iaitu jumlah KDNK negeri Kelantan bagi sektor pertanian pada tahun 2005 adalah sebanyak RM 1238 juta berbanding sektor perkhidmatan sebanyak RM 5163.8 juta. Ini kerana keluasan kawasan pertanian di negeri Kelantan adalah seluas 335600 ha. Ianya terdiri daripada kawasan tanaman getah seluas 1769 ha.

Jadual 1.1:

KDNK Negeri Kelantan Bagi Tahun 2000 Hingga 2005

Tahun	Pertanian	Perlombongan	Pembuatan	Pembinaan	Perkhidmatan	Jumlah (RMjuta)
2000	1046	34.8	182.7	48.1	4339.9	5651.5
2001	845	36.3	172.0	492.4	4097.5	5643.2
2002	891	32.3	164.2	70.7	4365.0	5523.2
2003	957	31.9	162.1	450.3	3728.0	5329.3
2004	1259	25.9	159.0	52.6	4617.3	6113.8
2005	1238	17.9	144.4	51.8	5163.8	6615.9

Sumber : Unit Perancang Ekonomi Negeri Kelantan (2006)

Jadual 1.2 :
Pengeluaran Hasil Tanaman Di Tanah Tinggi Lojing, Gua Musang, Kelantan
Januari 2008 Hingga Jun 2008

TANAMAN	HASIL (RM)	KOS (RM)
Tomato	192,718	71,784
Buncis	118,762	96,225
Cili	166,878	97,791
Kobis	40,225	30,220
Salad	16,900	10,950
Terung	0	9,000
Sawi	8,800	7,670
Jumlah	544,283	323,640

Purata Pendapatan Bersih : RM 3,237

Sumber: Pejabat Pertanian Negeri Kelantan, Ogos 2008

Jadual 1.2 menunjukkan pengeluaran hasil tanaman di Tanah Tinggi Lojing, Gua Musang, Kelantan dari Januari 2008 hingga Jun 2008. Terdapat tujuh jenis tanaman yang di tanam di Tanah Tinggi Lojing iaitu tomato, buncis, cili, kobis, salad, terung dan sawi. Jumlah hasil yang diperoleh adalah sebanyak RM 544,283 dengan kos penanaman sebanyak RM 323,640. Purata pendapatan bersih yang diperoleh dari pengeluaran hasil tanaman di Tanah Tinggi Lojing dari Januari 2008 hingga Jun 2008 adalah sebanyak RM 3,237.

1.2 LATAR BELAKANG KAWASAN KAJIAN

Bandar Baru Tanah Tinggi Lojing terletak sejauh 96 kilometer dari Bandar Gua Musang dan tujuh kilometer dari Blue Valley Cameron Highlands. Ketinggian Tanah Tinggi Lojing dari paras laut adalah sejauh 2500 hingga 3000 kaki. Iklim yang sederhana sepanjang tahun iaitu antara 18 hingga 27 darjah celsius menyebabkan tanahnya sesuai untuk pelancongan dan penanaman sayuran secara komersial.

Tanah Tinggi Lojing mula di buka pada penghujung tahun 1997 dan ia mula membangun hingga kini. Pembangunan Bandar Baru Tanah Tinggi Lojing merupakan

projek terbaru di kawasan pedalaman negeri Kelantan. Antara agensi-agensi yang terlibat untuk memajukan Tanah Tinggi Lojing adalah Yayasan Kelantan Darulnaim (YAKIN), Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA), Perbadanan Kemajuan Iktisad Kelantan (PKINK) dan Jabatan Pertanian Negeri Kelantan. Bentuk pembangunan yang di rancang di kawasan ini adalah pertanian dan pelancongan.

Tiga komponen projek pembangunan di Tanah Tinggi Lojing adalah Pembangunan Bandar Peranginan Sigar, Lojing iaitu seluas 414.5 hektar, Pembangunan Tanah Tinggi Lojing untuk pertanian iaitu seluas 64.77 hektar dan Pusat Pentadbiran Lojing di Pos Brooke.

Pembangunan di kawasan Lojing ini akan disokong oleh kemudahan pengangkutan jalan raya baru yang sedang di bina menghubungkan Simpang Pulai, Perak ke Blau, Lojing, Bandar Gua Musang dan terus ke Kuala Berang di Hulu Terengganu. Dengan siapnya jalanraya ini, ia akan merancakkan lagi perkembangan sektor pertanian dan pelancongan di Tanah Tinggi Lojing.

Kerajaan negeri Kelantan membangunkan kawasan Tanah Tinggi Lojing sebagai pusat pertanian tanaman berhawa sejuk. Projek pembangunan yang dinamakan sebagai 'Projek Di Raja Lojing' dilaksanakan pada tahun 2006 dan menjadikan Kelantan sebagai pengeluar produk tanaman berhawa sejuk baru di Malaysia. Penasihat jawatankuasa bagi Projek Di Raja Lojing ini adalah Duli Yang Maha Mulia Raja Perempuan Kelantan, Tengku Anis Binti Tengku Abdul Hamid. Projek ini melibatkan pembukaan sebuah ladang strawberi kerana kesesuaian tanaman itu dengan iklim di kawasan Tanah Tinggi Lojing, Gua Musang, Kelantan.

Jadual 1.3 :

Pelan Tindakan Pembangunan Sepuluh Tahun Jabatan / Agensi / Syarikat Di Tanah Tinggi Lojing Dari Tahun 2006 Hingga 2015

BIL	JENIS PEMBANGUNAN	TAHUN									
		2006	2007	2008	2009	2010	2011	2012	2013	2014	2015
1	Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan	<p>Projek Pembangunan Bio-Diversiti Dan Eko-pelancungan</p> <ul style="list-style-type: none"> *Meliputi proses permohonan dan pengambilan tapak (120 hektar) *Cadangan infrastruktur dan prasarana asas seperti jalan, bekalan air bersih, elektrik, alat komunikasi dan lain-lain. *Mewujudkan pejabat pentadbiran, Pusat Latihan Kakitangan, Dewan Serbaguna, Pusat Latihan Tourist Guide, Kuarters Kakitangan, Chalet, Taman Mini Zoo. *Pembangunan Hutan ☺ Meliputi aktiviti penguatkuasaan ☺ Bancian Post F ☺ Penubuhan Petak Simpanan Hutan Dara (VJR) ☺ Penyelenggaraan Sempanan Luar dan dalam HSK ☺ Rawatan hutan seperti tanam mengaya ☺ Penubuhan Petak Kajian dan Tanaman Herba ☺ Penubuhan hutan lipur ☺ Penubuhan petak kajian tumbesaran ☺ Penubuhan petak kajian Bio-Diversiti 									
		<p>*Meliputi kerja-kerja penyelenggaraan infrastruktur sedia ada.</p> <ul style="list-style-type: none"> *Cadangan pelan pembangunan semasa seperti menaik taraf infrastruktur sedia ada, penambahan kuarters kakitangan, chalet, pejabat dan sebagainya. *Penyelenggaraan kesemua aktiviti-aktiviti pembangunan hutan yang dilaksanakan di bawah RMK-9. *Penubuhan dan penambahan sebuah lagi hutan lipur. *Penubuhan tapak aktiviti-aktiviti lasak seperti jungle-tracking, White Water Rafting, Eksplorasi Hutan Tanah Tinggi Semulajadi. 									

BIL	JENIS PEMBANGUNAN	TAHUN									
		2006	2007	2008	2009	2010	2011	2012	2013	2014	2015
2	Jabatan Hal Ehwal orang Asli	*Pembinaan 135 Unit Rumah Peserta Bencana Alam *Pembinaan 36 Unit Rumah Peserta PSK Blau *Pembangunan Ladang Dalam PSK Blau *Jalan Pentadbiran Pos Brooke *Jabatan Ke Kampung Brooke Lama	*Jabatan Sungai Belatok *Bengkel Kraftangan dan balai pameran dalam PSK Blau *Pembinaan 100 Unit Rumah Peserta PSK Jedip (Pos Brooke) *Jalan tar dari Pos Brooke ke Kg Brooke Lama *Jabatan ke Kg Brooke Lama *Pembinaan Pusat Latihan Orang Asli	*Bekalan elektrik *Bekalan air bersih *Jalan tar perkam-pungan Sangwai, persimpangan Hendrop ke Kg. Temarikh *Pembinaan 26 unit rumah PPRT Pos Hendrop *Pembinaan Pusat Latihan Orang Asli	*Jabatan konkrit Kg Sg. Sendrod *Jalan Cherun Kg Temarikh ke Kg.Tuel *Pembinaan Pusat Latihan Orang Asli	*Pembinaan Dewan Serbaguna Hendrop *Bekalan air boring *Pusat Latihan Orang Asli mula beroperasi	Industri Bunga Kg Sendrod	Industri Batik dan Kraftangan Kg. Mendrod	Industri bunga Kg. Lojing	Tanaman Keledek Kg. Sangwai	Termakan kambing kampung Jeklged

TAHUN

BIL	JENIS PEMBANGUNAN	2006	2007	2008	2009	2010	2011	2012	2013	2014	2015
3	Jabatan Pertanian Negeri Kelantan (Taman Kekal Pengeluaran Makanan Dan Pusat Latihan Pertanian)	*Pembukaan Kawasan Baru (5 hektar) *Pengambilan 5 Peserta Baru *Naik taraf Sumber Air Sedia Ada *Pembinaan Asrama Peserta untuk 20 orang	*Pembukaan Kawasan Baru (5 hektar) *Pengambilan 5 Peserta Baru *Pembangunan Sumber Bekalan Air Baru	*Pembukaan Kawasan Baru (5 hektar) *Pengambilan 5 Peserta Baru	*Pembukaan Kawasan Baru (5 hektar) *Pengambilan 5 Peserta Baru	*Pembukaan Kawasan Baru (5 hektar) *Pengambilan 5 Peserta Baru	*Pembukaan Kawasan Baru (5 hektar) *Pengambilan 5 Peserta Baru	*Pembukaan Kawasan Baru (5 hektar) *Pengambilan 5 Peserta Baru	*Pembukaan Kawasan Baru (5 hektar) *Pengambilan 5 Peserta Baru	*Pembukaan Kawasan Baru (5 hektar) *Pengambilan 5 Peserta Baru	*Pembukaan Kawasan Baru (5 hektar) *Pengambilan 5 Peserta Baru
4	Majlis Sukan Negara	Kelulusan EIA	Pembinaan Jalan Masuk	Kerja Tapak	Pembinaan Bangunan Pentadbiran, Kediaman Kakitangan dan Rumah Tamu	Pembinaan Padang Bola, Trek dan Balapan	Pembinaan Pusat Sukan Indoor dan Outdoor	Pembinaan Klinik dan Pusat Pemulihan Kesihatan	Pembinaan Asrama dan Dewan Makan	Kompleks mula beroperasi	

BIL	JENIS PEMBANGUNAN	TAHUN									
		2006	2007	2008	2009	2010	2011	2012	2013	2014	2015
5	YAKIN - Layar Abadi Sdn Bhd *Pertanian sayur, bunga dan buah (600 ekar) *Pertanian strawberi, cendawan dan herba (300 ekar) *Penternakan (300 ekar) *Resort (300 ekar) *Kampung Antarabangsa (375 ekar)	Tanam sayur	*Tanam sayur *Resort chalet	*Tanam sayur, dan strawberi *Resort chalet	*Tanam sayur, bunga dan strawberi *Ternakan lembu pedaging *Resort chalet, taman dan kemudahan	*Tanam sayur, bunga dan strawberi *Ternakan lembu pedaging dan kambing pedaging *Resort chalet, taman, kemudahan dan banglo peranginan	*Tanam sayur, bunga, strawberi dan cendawan *Ternakan lembu pedaging dan kambing pedaging *Resort chalet, taman, kemudahan dan resort townhouse dan banglo peranginan	*Tanam sayur, bunga, buah, strawberi, cendawan dan herba *Ternakan lembu pedaging, kambing pedaging dan Ladang Ekuin *Resort chalet, taman, kemudahan dan resort townhouse, jungle trekking eko-tourism, kolej atau pondok moden	*Tanam sayur, bunga, buah, strawberi, cendawan dan herba *Ternakan lembu pedaging, kambing pedaging dan Ladang Ekuin *Resort chalet, taman, kemudahan, resort townhouse, jungle trekking eko-tourism, kolej atau pondok moden	*Tanam sayur, bunga, buah, strawberi, cendawan dan herba *Ternakan lembu pedaging, kambing pedaging dan Ladang Ekuin *Resort chalet, taman, kemudahan, resort townhouse, jungle trekking eko-tourism, kolej atau pondok moden	*Tanam sayur, bunga, buah, strawberi, cendawan dan herba *Ternakan lembu pedaging, kambing pedaging dan Ladang Ekuin *Resort chalet, taman, kemudahan, resort townhouse, jungle trekking eko-tourism, kolej atau pondok moden

		TAHUN									
BIL	JENIS PEMBANGUNAN	2006	2007	2008	2009	2010	2011	2012	2013	2014	2015
6	YAKIN - KPA Development Sdn Bhd	Tandatangan perjanjian antara YAKIN dan pemaju Kelulusan EIA Kelulusan Pelan Kerja Tanah	Pengeluaran tender beli Pembinaan infrastruktur Pembinaan Fasa I	Taman tema, Taman awam, dan Rumah Dusun	Taman tema, Taman awam, dan Rumah Dusun	Taman tema, Taman awam, dan Rumah Dusun, kediaman percutian, golf resort dan Pusat Islam	Taman tema, Taman awam, dan Rumah Dusun, kediaman percutian, golf resort dan Pusat Islam	Taman tema, Taman awam, dan Rumah Dusun, kediaman percutian, golf resort dan Pusat Islam, Hotel	Taman tema, Taman awam, dan Rumah Dusun, kediaman percutian, golf resort dan Pusat Islam, Hotel lima bintang, kemudahan golf dan pusat peranginan kesihatan.	Taman tema, Taman awam, dan Rumah Dusun, kediaman percutian, golf resort dan Pusat Islam, Hotel lima bintang, kemudahan golf dan pusat peranginan kesihatan.	Taman tema, Taman awam, dan Rumah Dusun, kediaman percutian, golf resort dan Pusat Islam, Hotel lima bintang, kemudahan golf dan pusat peranginan kesihatan. Pusat Komersial antarabangsa dan Waterfall Hotel, Corporate Holiday Villa dan IPTS

BIL	JENIS PEMBANGUNAN	TAHUN											
		2006	2007	2008	2009	2010	2011	2012	2013	2014	2015		
10	PKINK (sewaan tanah 100 ekar sebanyak RM 150 seakar sebulan)	Tamat sewaan tiga tahun untuk tanaman sayur dan bunga	Pembaharuan sewaan	Tamat tempoh pembaharuan sewaan	Pelaksanaan pembangunan pertanian baru	-	-	-	-	-	-	-	-
11	PKINK Pembangunan chalet dan pusat rehat (22 ekar di PT 4464 iaitu lebihan daripada lot-lot pada PT 4464 yang tidak dijual sebagai Ladang Rakyat	Proses ubah syarat	*Pembinaan bangunan *Pejabat *Restoran	*Pembinaan bangunan *Enam unit bangunan chalet satu bilik *Empat unit bangunan chalet berkembar	*Pembinaan bangunan *Musalla *Tandas *Pam minyak	-	-	-	-	-	-	-	-

BIL	JENIS PEMBANGUNAN	TAHUN																		
		2006	2007	2008	2009	2010	2011	2012	2013	2014	2015									
12	KADA	Pemajuan ladang latihan pusat fasa 1 seluas 20 hektar	Pemajuan ladang latihan pusat fasa II seluas 20 hektar lagi	Pemajuan ladang peserta kepada peserta yang telah tamat latihan																
13	Arena Proaktif Sdn Bhd (Agridex Sdn Bhd) Bunga dan sayur	Kerja-kerja awal untuk 50 ekar pertama bagi tapak pejabat, kuarters pekerja, stor dan infrastruktur	Tanaman pada 50 ekar kedua	Tanaman pada 50 ekar ketiga	Tanaman pada 50 ekar keempat	Tanaman pada 50 ekar kelima	Tanaman pada 50 ekar keenam	Tanaman pada 50 ekar ketujuh	Tanaman pada 50 ekar kelapan	Tanaman pada 50 ekar kesembilan	Tanaman pada 50 ekar kesepuluh									

BIL	JENIS PEMBANGUNAN	TAHUN									
		2006	2007	2008	2009	2010	2011	2012	2013	2014	2015
14	SIKADA Sdn Bhd	<p>*Keluasan pelan rekabentuk</p> <p>*Kelulusan sistem jalan, saliran, pembentungan bekalan air, elektrik dan telekomunikasi</p>	<p>*Pembinaan sistem jalan, saliran dan pembentungan</p> <p>*Pembangunan Fasa I – Penyediaan tanah untuk komponen perniagaan, perumahan dusun, buah dan kebun sayur</p> <p>–Pembinaan perumahan dusun</p>	<p>*Penyambungan bekalan air, elektrik dan telekomunikasi</p> <p>*Pembangunan Fasa II –Penyediaan tanah untuk komponen pasar, perumahan bandar, taman bandar, rumah kos sederhana dan homestay</p> <p>–Pembinaan rumah kedai, rumah kos rendah dan homestay</p>	<p>*Pembinaan restoran, rumah-rumah homestay, pangsapuri mewah, banglo berkelompok, perumahan berangkai berkelompok.</p>	<p>*Pembinaan pasar besar dan pasar buah</p>	<p>*Pembinaan asrama dan Pusat Penerangan Pelancongan</p>	<p>*Pembinaan Restoran dan kawasan rehat</p>	<p>*Pembinaan hotel dan resort bukit</p>	<p>*Pembinaan resort tasik dan resort kesihatan</p>	<p>*Pembinaan resort villa</p>

BIL	JENIS PEMBANGUNAN	TAHUN									
		2006	2007	2008	2009	2010	2011	2012	2013	2014	2015
15	Liquid Gold Sdn Bhd	*Kerja tapak untuk tanah seluas 100 ekar pertama bagi tanaman sayur *Pembinaan pejabat pentadbiran dan rumah kakitangan dan infrastruktur (50 ekar)	*Tanaman sayur dalam 100 ekar pertama *Kerja tapak untuk tanah seluas 100 ekar kedua bagi tanaman sayur *Kelulusan ubah syarat bagi lot seluas 150 ekar daripada pertanian kepada perumahan	*Tanaman sayur dalam 100 ekar kedua *Kerja tapak untuk tanah seluas 100 ekar ketiga bagi tanaman sayur *Kelulusan perancangan bagi lot perumahan	*Tanaman sayur dalam 100 ekar ketiga (lot pertanian disiapkan sepenuhnya) *Kerja tapak bagi lot perumahan	*Pembinaan 10 unit banglo dusun	*Pembinaan 20 unit banglo dusun	*Pembinaan 20 unit banglo dusun	*Pembinaan 30 unit banglo dusun (lot perumahan disiapkan sepenuhnya)	-	-
16	All Green Agritech Sdn Bhd	*Pembinaan infrastruktur *Tapak semaian seluas 60 ekar	*Penanaman fasa pertama seluas 40 ekar	*Penanaman fasa kedua seluas 100 ekar	*Penanaman fasa ketiga seluas 100 ekar	*Penanaman fasa keempat seluas 100 ekar	*Penanaman fasa kelima seluas 100 ekar (seluruh kawasan siap dibina)				

Sumber: Pusat Pelaburan Negeri Kelantan, Unit Perancang Ekonomi Negeri Kelantan (2005)

Jadual 1.4 :

Pelan Induk Pembangunan Tanah Tinggi Lojing


TAHUN	TAHAP PEMBANGUNAN	PELAN TINDAKAN
2006	<ul style="list-style-type: none"> -Proses mendapat kelulusan tanah, kelulusan perancangan dan kelulusan EIA. -Proses penyediaan tapak dan infrastruktur asas. -Proses pengumpulan data-data yang diperlukan oleh pembekal-pembekal utiliti. 	<ul style="list-style-type: none"> -Penyelarasan dengan jabatan-jabatan yang mengeluarkan kelulusan-kelulusan ; proses perlu dipercepatkan. -Pemantauan yang rapi diperlukan dalam kerja-kerja pembersihan dan penyediaan tapak kerana akan melibatkan penebangan pokok, pemotongan bukit dan perataan tapak bagi mengekalkan suhu dan mengelakkan pencemaran/hakisan. -Infrastruktur asas yang di bina perlu dipantau agar memenuhi spesifikasi teknikal. - Usaha hendaklah digerakkan dalam menubuhkan Jajahan Kecil Lojing.
2007	<ul style="list-style-type: none"> -Pembinaan sistem jalan, saliran dan pembentungan (infrastruktur lengkap). -Peringkat pertama projek pertanian bermula. -Kerja-kerja awal pembinaan bangunan bermula. -Proses pengenalpastian tapak-tapak yang diperlukan oleh pembekal-pembekal utiliti serta proses mendapat kebenaran / kelulusan tapak. 	<ul style="list-style-type: none"> -Infrastruktur lengkap yang dibina perlu dipantau agar memenuhi spesifikasi teknikal. -Penyelarasan dalam sistem pengairan tanaman bagi memastikan kecukupan air dan sistem saliran air buang bagi memastikan kebersihan sungai. -Pemantauan dalam kerja-kerja awal pembinaan bangunan bagi memastikan kekukuhan tapak dan struktur seta mengelakkan pencemaran. -Usaha hendaklah digerakkan dalam menubuhkan Majlis Daerah Lojing. -Urusan 'menjual' Lojing sebagai destinasi pelancongan dan kediaman 'retreat' hendaklah bermula.

2008	<ul style="list-style-type: none"> -Projek pertanian memasuki fasa intensif. -Pembinaan bangunan memasuki fasa intensif. -Projek pelancongan skala kecil bermula. 	<ul style="list-style-type: none"> -Kerja-kerja infrastruktur bagi pembekalan air bersih, elektrik dan telekomunikasi hendaklah bermula. -Pembinaan pencawang masuk utama (PMU) 132/33/11kV di atas tapak seluas 14 ekar dari PMU Tanah Rata Cameron Highland sepanjang 45 km hendaklah dimulakan, diikuti dengan pembinaan dua PMU 33/11kV di atas tapak tanah seluas 1 ekar setiap satunya dan pembinaan talian 132 kV dari PMU Gua Musang sepanjang 100 kilometer. -Sistem perawatan air bagi merawat air Sungai Belatop hendaklah dimulakan diikuti dengan pembinaan Loji Rawatan Air dengan kapasiti 40 juta liter sehari dan pembinaan paip-paip agihan utama. -Jabatan-jabatan hendaklah digalakkan menganjurkan kursus / bengkel / hari keluarga di Lojing. -Jajahan kecil Lojing hendaklah ditubuhkan.
2009	<ul style="list-style-type: none"> -Projek pertanian dalam skala besar. -Pembinaan bangunan dalam skala besar. -Projek pelancongan memasuki fasa intensif. 	<ul style="list-style-type: none"> -Bekalan utiliti perlu disiapkan sepenuhnya. -Lojing perlu dipromosi dengan meluas sebagai Pusat Perangin Tanah Tinggi. -Majlis Daerah Lojig hendaklah ditubuhkan sebagai sebuah lagi Majlis Daerah dalam Jajahan Gua Musang.
2010 hingga 2015	Lojing membangun sepenuhnya.	<ul style="list-style-type: none"> -Lojing hendaklah menjadi jajahan sendiri. -Majlis Daerah Lojig Majlis Daerah dalam Lojing.

Sumber: Pusat Pelaburan Negeri Kelantan, Unit Perancang Ekonomi Negeri Kelantan (2005)

Rajah 1.1 :

Peta Kawasan Stesen Pertanian Lojing, Gua Musang, Kelantan



Sumber : Jabatan Pertanian Negeri Kelantan

1.3 PERMASALAHAN KAJIAN

Pertanian merupakan penyumbang kedua terbesar di negeri Kelantan. Namun, jika masalah kekurangan kemudahan infrastruktur pertanian, modal, teknologi moden, ilmu pengetahuan, kekurangan tanah pertanian serta kos yang tinggi mungkin akan menyebabkan berlaku penurunan hasil pertanian. Kedaan ini secara tidak langsung akan menyebabkan ekonomi negeri Kelantan mengalami penurunan.

Kawasan pertanian di Tanah Tinggi Lojing merupakan kawasan yang baru diterokai untuk aktiviti pertanian. Keadaan ini menyebabkan berlakunya kekurangan tanah untuk dijadikan kawasan penanaman. Hal ini akan menyebabkan banyak tanah hutan di teroka dan kawasan penempatan penduduk di Tanah Tinggi Lojing terjejas.

Bagi memulakan sesuatu aktiviti pertanian, ia melibatkan modal yang agak tinggi. Jika penduduk berminat untuk melakukan aktiviti pertanian secara besar-besaran, ia akan menyebabkan modal pendahuluan adalah tinggi. Permasalahan yang timbul adalah punca sumber modal yang akan diperolehi jika seseorang itu berminat dalam menjalankan aktiviti pertanian.

Di samping itu, kekurangan pengetahuan dan maklumat yang dimiliki oleh petani dan peserta yang terlibat dengan aktiviti pertanian di Tanah Tinggi Lojing, Gua Musang, Kelantan juga mewujudkan permasalahan dalam melaksanakan aktiviti pertanian. Kebanyakan petani di kawasan ini adalah mereka yang mengamalkan atau mewarisi kemahiran serta penggunaan alat-alat pertanian dari ibu bapa mereka. Apabila mereka kurang pengetahuan tentang alat-alat teknologi moden dalam bidang pertanian menyebabkan hasil yang diperolehi oleh mereka. Keadaan ini secara langsung akan menyebabkan pendapatan yang diperolehi juga adalah sedikit dan secara tidak langsung akan menyebabkan ekonomi negeri juga berkurangan.

1.4 OBJEKTIF KAJIAN

1.4.1 Objektif Umum

Mengkaji impak pembangunan pertanian di Tanah Tinggi Lojing kepada sosio-ekonomi penduduk di Tanah Tinggi Lojing, Gua Musang, Kelantan.

1.4.2 Objektif Khusus

- i. Mengenalpasti faktor-faktor pembangunan pertanian di Tanah Tinggi Lojing, Gua Musang, Kelantan.
- ii. Menganalisis impak projek pembangunan pertanian di Tanah Tinggi Lojing, Gua Musang, Kelantan ke atas penduduk dan ekonomi Kelantan
- iii. Mengkaji persepsi individu terhadap projek pertanian di sekitar Tanah Tinggi Lojing, Gua Musang Kelantan.

1.5 SKOP KAJIAN

Skop kajian adalah melibatkan penduduk di sekitar Tanah Tinggi Lojing, Gua Musang, Kelantan. Sebahagian besar bilangan penduduk di Tanah Tinggi Lojing adalah penempatan orang asli iaitu Perkampungan Orang Asli di Pos Brooke. Ditinggalkan lebih kurang 50 hingga 100 orang penduduk yang akan menjadi responden dalam kajian ini. Selain itu, kajian ini juga akan tertumpu kepada peserta yang terlibat dalam Program Pembangunan Pertanian di Tanah Tinggi Lojing, Gua Musang, Kelantan. Terdapat sembilan orang peserta yang akan menjadi responden dalam kajian ini semasa soal selidik dijalankan. Jadual 1.5 menunjukkan antara peserta yang terlibat dengan aktiviti pertanian di Tanah Tinggi Lojing, Gua Musang, Kelantan.

Jadual 1.5 :

**Senarai Nama Peserta Yang Terlibat Serta Tarikh Permulaan Menyertai
Aktiviti Pertanian Dalam Program Pembangunan Pertanian Di Tanah Tinggi
Lojing, Gua Musang, Kelantan.**

BILANGAN	NAMA PESERTA	ASAL	TARIKH PERMULAAN
1	Mohd Edi b. Jaafar	Tanah Merah	September 1998
2	Husin b. Yusoff	Pasir Mas	Julai 1999
3	Zulfathi b. Ab. Halim	Kuala Krai	Julai 1999
4	Mohd Badrulhisam b. Mustapha	Gua Musang	Julai 1999
5	Mohd. Nasir b. Awang	Gua Musang	September 2000
6	Mohd. Nasarudin b. Muda	Kota Bharu	Oktober 2000
7	Kamarudin b. Yunus	Tumpat	Mei 2002
8	Salahudin b. Latif	Kuala Krai	Januari 2003
9	Zaidi b. Arifin	Machang	Januari 2003

Sumber : Jabatan Pertanian Negeri Kelantan (2007)

1.6 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian mengenai Pembangunan Pertanian di Tanah Tinggi Lojing adalah penting kepada pelajar. Hal ini kerana pelajar dapat mengetahui bilangan sebenar peserta yang terlibat secara langsung dalam Pembangunan Pertanian di Tanah Tinggi Lojing. Selain itu, kajian ini juga dapat memberi pengetahuan kepada pelajar mengenai kesan pembangunan pertanian di Tanah Tinggi Lojing, Gua Musang, Kelantan kepada sosio-ekonomi penduduk setempat serta ekonomi negeri Kelantan.

Selain itu, kajian ini juga penting kepada kerajaan negeri Kelantan. Ini kerana kerajaan negeri dapat mengetahui kesan sebenar pembangunan pertanian di Tanah Tinggi

Lojing, Gua Musang, Kelantan terhadap sosio-ekonomi penduduk setempat. Selain itu, kerajaan negeri juga dapat mengetahui sumbangan sektor pertanian di Tanah Tinggi Lojing kepada KDNK negeri Kelantan.

1.7 ORGANISASI KAJIAN

Dalam kajian ini terdapat lima bab yang akan dibincangkan. Bab 1 adalah pengenalan kajian. Bab ini akan membincangkan tentang pendahuluan, latar belakang kawasan kajian, permasalahan kajian, objektif kajian, skop kajian dan kepentingan kajian. Dalam Bab 2 pula adalah sorotan kajian. Bab ini menjelaskan perkara yang akan dibincangkan melalui sorotan kajian lepas daripada jurnal yang berkaitan dengan pertanian dan juga sosio-ekonomi. Seterusnya, Bab 3 adalah merupakan bahagian Metodologi. Dua kaedah akan digunakan dalam mendapatkan data atau maklumat mengenai Tanah Tinggi Lojing iaitu dengan menggunakan kaedah soal selidik atau data primer. Perisian yang digunakan dalam menganalisis data yang diperoleh adalah *Program Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS) dan digambarkan secara deskriptif serta cross tab. Bab 4 pula akan menjelaskan keputusan hasil kajian yang dilakukan. Akhirnya, Bab 5 adalah merupakan kesimpulan keseluruhan kajian.

BAB 2

SOROTAN KAJIAN

2.1 PENDAHULUAN

Bab ini akan membincangkan tentang kajian-kajian lepas yang telah dijalankan oleh penyelidik-penyelidik. Sorotan kajian diperlukan dalam membuat sesuatu kajian kerana pengkaji dapat mengetahui hasil-hasil yang telah diperoleh oleh pengkaji-pengkaji yang lepas mengenai pertanian.

2.2 SOROTAN KAJIAN

Nik Hashim Bin Nik Mustapha (1972) menerangkan bahawa faktor yang menyebabkan masalah sosio-ekonomi di kalangan petani adalah disebabkan oleh pendapatan petani yang rendah dan saiz ladang yang kecil. Pada masa yang sama, perbelanjaan keluarga petani mengalami peningkatan dan keadaan ini menyebabkan petani mengambil alternatif lain selain bergantung kepada pendapatan yang diperoleh hasil daripada aktiviti pertanian. Kajian yang dilakukan menggunakan teknik pengumpulan data secara data primer iaitu melalui soal-selidik. Teknik pengambilan responden atau sampel secara rawak digunakan bagi mewakili bilangan keseluruhan petani yang menghadapi masalah sosio-ekonomi. Hasil kajian yang dilakukan menunjukkan bahawa faktor yang menyebabkan berlaku masalah sosio-ekonomi di kalangan petani adalah pendapatan yang rendah di kalangan petani, saiz ladang yang kecil dan perbelanjaan keluarga yang meningkat. Faktor lain yang menyebabkan berlaku masalah sosio-ekonomi di kalangan petani adalah disebabkan oleh kadar pulangan pengeluaran hasil pertanian yang sedikit,

tahap pendidikan yang rendah serta tahap penggunaan pendapatan atau wang yang tidak cekap.

Richard E. Just dan David Zilberman (1988) mengkaji tentang kesan polisi pembangunan pertanian terhadap agihan pendapatan dan perubahan teknologi dalam pertanian. Metodologi yang digunakan dalam kajian ini adalah secara deskriptif, model firma individu dan model agregat. Kajian ini menunjukkan bahawa kesan polisi umum pertanian menyebabkan berlakunya pertumbuhan teknologi dalam pertanian. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa kecenderungan berisiko, saiz ladang, dan kesediaan hutang antara peladang serta struktur dan alternatif aktiviti pengeluaran hasil tanaman adalah antara faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya pembangunan dalam pertanian serta perubahan teknologi dalam pertanian.

Arild Angelsen (1999) membincangkan tentang empat perbezaan model dalam perkembangan pertanian dan pembasmian hutan serta implikasinya terhadap isi rumah dan pasaran buruh. Empat model tersebut adalah model pendapatan ekonomi, model ekonomi Chayanovian, model ekonomi terbuka dengan hak milik persendirian dan model ekonomi terbuka dengan capaian data daripada simpanan komputer. Hasil kajian menunjukkan bahawa model ke empat iaitu model ekonomi terbuka dengan capaian data daripada simpanan komputer berkemungkinan memberi kesan kepada pasaran buruh dan pasaran output dalam pertanian dan pembasmian hutan dalam kesan jangka masa panjang.

Romeo G. Teruel dan Yoshimi Kuroda (2005) menunjukkan bahawa kemudahan awam iaitu jalan raya, sistem pengairan dan kemudahan elektrik penting dalam perubahan input permintaan dan meningkatkan keluaran pertanian di Filipina. Kaedah yang digunakan bagi menunjukkan kesan kemudahan awam ke atas pengeluaran pertanian di Filipina adalah fungsi kos. Kaedah ini digunakan kerana pertanian di Filipina diandaikan tidak bergantung kepada andaian skala pulangan tetap dan teknologi. Hasil

kajian menunjukkan bahawa pengurangan dalam produktiviti pertanian di Filipina disebabkan oleh infrastruktur yang kurang baik di desa.

T.Heikkinen dan K.Pietola (2006) menunjukkan bahawa pelaburan dan kos yang terlibat dalam aktiviti pertanian menyebabkan berlakunya perbezaan dalam agihan pendapatan. Model proses keputusan Markov yang berhadapan dengan risiko mewakili keputusan yang di ambil oleh petani untuk melabur dalam aktiviti pertanian. Manakala, kos yang di tanggung oleh petani bergantung kepada bayaran yang perlu di bayar kepada pekerja-pekerja. Kajian ini menggunakan kaedah diskriptif dan cross-tab bagi menganalisis data-data dan maklumat yang diperoleh. Hasil kajian menunjukkan bahawa hasil yang tinggi dalam pelaburan menyebabkan keputusan melabur oleh pelabur untuk melabur dalam sektor pertanian adalah tinggi. Penggunaan kos serta pelaburan dalam aktiviti pertanian disebabkan oleh maklumat atau pengetahuan yang dimiliki oleh petani atau peladang.

Carlos Parra-Lopez, Jeroen C.J Groot, Carmen Carmona-Torres dan Walter A.H. Rossing (2007) membincangkan tentang sumbangan sektor pertanian terhadap kebajikan masyarakat dari aspek ekonomi, sosial dan prestasi persekitaran. Metodologi yang digunakan adalah kombinasi nilai ekonomi dan penilaian kriteria yang pelbagai. Terdapat tiga langkah iaitu permintaan sosial terhadap pertanian pelbagai fungsi, teknik alternatif yang sesuai bagi penawaran pasaran dan alternatif utiliti bersih bagi mengukur perubahan dalam faedah bersih sosial. Hasil kajian menunjukkan bahawa sektor pertanian memberikan kesan yang positif terhadap sosio ekonomi penduduk dan persekitaran.

BAB 3

METODOLOGI


3.1 PENGENALAN

Metodologi adalah merupakan bab yang merangkumi kaedah dan prinsip yang digunakan dalam sesuatu kajian bagi mendapatkan hasil kajian yang tepat dan menjawab objektif kajian. Bab ini membincangkan dengan jelas aspek metodologi yang digunakan bagi memperoleh hasil kajian yang sempurna dan terperinci.

3.2 RANGKA KERJA

3.2.1 Rangka Kerja Penyelidikan


Rajah 3.1 :
Rangka Kerja Penyelidikan



Rajah 3.1 menunjukkan rangka kerja penyelidikan bagi kajian ini. Langkah pertama dalam membuat penyelidikan ini adalah memilih tajuk penyelidikan yang ingin dilakukan. Tajuk penyelidikan yang diambil adalah berdasarkan kepada pemerhatian yang dilakukan di Tanah Tinggi Lojing. Kemudian, pernyataan masalah kajian dan objektif kajian. Objektif kajian terbahagi kepada dua iaitu objektif khusus dan objektif umum. Langkah seterusnya adalah ulasan karya. Ulasan karya adalah hasil daripada pembacaan-pembacaan jurnal dari penyelidik-penyelidik terdahulu. Selepas itu, teknik pengumpulan data dijalankan. Teknik pengumpulan data dalam penyelidikan ini adalah teknik pengumpulan data secara primer. Data-data yang diperoleh di analisis dengan menggunakan perisian *Program Statistical Package for the Social Sciences (SPSS)*. Selepas data-data di analisis, hasil kajian akan diperoleh. Langkah terakhir dalam penyelidikan ini adalah cadangan dan kesimpulan yang berkaitan dengan skop kajian.

3.2.2 Rangka Kerja Teoritikal

Rajah 3.2 :
Rangka Kerja Teoritikal (Data Primer)



Rajah 3.2 menerangkan tentang rangka kerja teoritikal bagi data primer. Pengumpulan data primer adalah dengan menggunakan borang soal selidik. Selepas data dan maklumat mengenai kajian diperoleh, data ini di analisis dengan menggunakan perisian *Program Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS) dan digambarkan secara deskriptif serta cross tab.

3.3 SUMBER DATA

Sumber data yang digunakan dalam menjalankan kajian ini adalah data primer. Data primer adalah data yang diperoleh hasil dari borang soal-selidik yang dijalankan. Dalam menjalankan kaedah soal selidik, teknik yang digunakan adalah teknik persampelan iaitu persampelan secara tidak kebarangkalian (*non-probability sampling*). Jumlah bilangan responden yang terlibat dalam pengumpulan maklumat data primer adalah seramai 100 orang yang terdiri daripada peserta yang terlibat dengan aktiviti pertanian serta penduduk di sekitar Tanah Tinggi Lojing, Gua Musang, Kelantan. Data atau maklumat yang diperoleh hasil dari kaedah soal-selidik akan dianalisis dengan menggunakan perisian *Program Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS) dan digambarkan secara deskriptif serta *cross tab*.

3.4 MODEL REGRASI MUDAH BAGI DATA PRIMER

Model regrasi mudah bagi data primer menunjukkan hubungan antara pendapatan yang diperoleh dengan tahap pendidikan penduduk serta peserta aktiviti pertanian di Tanah Tinggi Lojing, Gua Musang, Kelantan.

$$Y = \beta_0 + \beta_1 \text{EDU} + \varepsilon$$

Di mana :

Y = Pendapatan

EDU = Tahap Pendidikan

3.4.1 Hipotesis

Hipotesis adalah keputusan awal yang dijangkakan walaupun kebenarannya masih belum dibuktikan. Ia digunakan bagi melihat hubungan antara pembolehubah bersandar iaitu pendapatan dengan pembolehubah bebas iaitu tahap pendidikan peserta dan penduduk adalah signifikan atau tidak.

- **Tahap Pendidikan Terhadap Pendapatan**

$$H_0 : \beta_1 = 0$$

(Tahap pendidikan tidak mempengaruhi pendapatan)

$$H_1 : \beta_1 \neq 0$$

(Tahap pendidikan mempengaruhi pendapatan)

BAB 4

ANALISIS KAJIAN

PENDAHULUAN


Bab ini menjelaskan hasil kajian yang diperoleh melalui soal selidik yang telah dijalankan terhadap responden seramai 100 orang. Setiap maklumat yang diperoleh akan diperjelaskan secara terperinci bagi menganalisis kesan pembangunan pertanian di Tanah Tinggi Lojing kepada sosio-ekonomi penduduk di Tanah Tinggi Lojing, Gua Musang, Kelantan serta pendapat responden mengenai pertanian di Tanah Tinggi Lojing tersebut. Selain itu, analisis ini turut mengenalpasti faktor-faktor pembangunan pertanian di Tanah Tinggi Lojing.

4.1 ANALISIS DESKRIPTIF

Analisis deskriptif digunakan bagi menganalisis data yang telah diperoleh dengan lebih jelas. Analisis berbentuk frekuensi digunakan untuk menilai keupayaan sesuatu sampel yang dipilih itu menjawab objektif kajian.


4.2.1 Jantina Responden

Carta 4.1 menunjukkan analisis yang dibuat terhadap bilangan responden mengikut jantina. Analisis ini melibatkan 100 orang responden yang terdiri daripada 54 orang responden lelaki dan 46 orang responden perempuan.




4.2.2 Bangsa Responden

Carta 4.2 menunjukkan bangsa bagi responden. Responden yang terlibat dalam soal-selidik yang dijalankan adalah terdiri daripada bangsa Melayu, Cina dan lain-lain bangsa. Bilangan responden yang berbangsa Melayu adalah sebanyak 40 peratus. Manakala, responden yang berbangsa Cina adalah sebanyak 16 peratus dan lain-lain bangsa adalah sebanyak 44 peratus.




4.2.3 Status Perkahwinan

Carta 4.3 menunjukkan status perkahwinan bagi responden. Dari jumlah bilangan responden tersebut, 67 orang (67%) telah berkahwin, 17 orang (17%) berstatus duda atau janda dan 16 orang (16%) daripadanya adalah bujang.




4.2.4 Umur Responden



Carta 4.4 menunjukkan bilangan responden mengikut kumpulan umur. Terdapat empat kategori klasifikasi umur responden iaitu responden yang berumur antara 20 tahun hingga 24 tahun, 25 tahun hingga 29 tahun, 30 tahun hingga 34 tahun, 35 tahun hingga 39 tahun dan 40 tahun dan ke atas.

Carta di atas menunjukkan bahawa bilangan responden yang tertinggi adalah berada dalam klasifikasi umur 35 tahun hingga 39 tahun iaitu sebanyak 28 orang dan bilangan responden yang terendah adalah berada dalam klasifikasi umur 25 tahun hingga 29 tahun. Bilangan responden yang berada dalam klasifikasi umur 20 tahun hingga 24 tahun adalah seramai 20 orang, 30 tahun hingga 34 tahun seramai 17 orang serta responden yang berumur 40 tahun ke atas seramai 19 orang.


4.2.5 Tahap Pendidikan Responden



Carta 4.5 menunjukkan tahap pendidikan responden. Bilangan responden yang mempunyai kelulusan setakat UPSR atau pun sekolah rendah adalah yang tertinggi iaitu seramai 35 orang dan yang paling rendah adalah responden yang mempunyai kelulusan STPM atau Diploma iaitu satu orang sahaja manakala 15 orang responden adalah tidak bersekolah, 33 orang responden mempunyai kelulusan setakat PMR dan SPM pula seramai 16 orang.

4.3 Analisis Frekuensi


4.3.1 Pendapatan Responden



Carta 4.6 menunjukkan bilangan responden mengikut pendapatan. Analisis frekuensi bagi pendapatan responden dipecahkan kepada tujuh bahagian iaitu yang berpendapatan antara RM 500 - RM 1580, RM 1581 – RM 2661, RM 2662 – RM 3742, RM 3743 - RM 4823, RM 4824 - RM 5904, RM 5905 - RM 6985 dan RM 6986 - RM 8066.

Responden yang berpendapatan antara RM 500 - RM 1580 adalah yang paling tinggi iaitu seramai 49 orang dan yang terendah adalah responden yang berpendapatan antara RM 5905 - RM 6985 dan RM 6986 - RM 8066 iaitu seramai satu orang. Bagi responden yang berpendapatan antara RM 1581 - RM 2661 adalah seramai 32 orang, RM 2662 - RM 3742 seramai 8 orang, RM 3743 -RM 4823 seramai empat orang dan responden yang berpendapatan antara RM 4824 - RM 5904 seramai lima orang.

4.3.2 Tanggungan Responden




Carta 4.7 menunjukkan bilangan responden mengikut tanggungan. Analisis frekuensi bagi tanggungan responden dipecahkan kepada lima bahagian iaitu antara sifar hingga dua, tiga hingga lima, enam hingga lapan, sembilan hingga sebelas dan 12 hingga 14.

Bilangan tanggungan yang tertinggi yang di tanggung oleh responden adalah seramai 12 – 14 orang dengan bilangan responden seramai dua orang. Seramai 20 orang responden pula menanggung tanggungan seramai sifar hingga dua orang. Manakala, 47 orang responden pula menanggung tanggungan seramai tiga hingga lima orang. Bagi bilangan tanggungan seramai enam hingga lapan orang, bilangan kekerapan responden adalah seramai 21 orang. Sepuluh orang responden lagi mempunyai bilangan tanggungan antara sembilan hingga sebelas orang.

4.4 PERSEPSI INDIVIDU TERHADAP AKTIVITI PERTANIAN DI TANAH TINGGI LOJING


4.4.1 Pendapat Tentang Kewujudan Pembangunan Pertanian di Tanah Tinggi Lojing



Carta 4.8 menunjukkan tahap persetujuan responden terhadap pertanian di Tanah Tinggi Lojing. Terdapat tiga persepsi responden terhadap kewujudan pertanian iaitu kurang setuju, setuju dan sangat setuju.

Carta di atas menunjukkan bahawa seramai 73 peratus responden yang sangat setuju dengan kewujudan pembangunan pertanian di Tanah Tinggi Lojing. Manakala seramai 22 peratus bersetuju dan lima peratus lagi kurang setuju dengan kewujudan pertanian di Tanah Tinggi Lojing.

4.4.2 Kesan Terhadap Sosio-Ekonomi Penduduk



Carta 4.9 menunjukkan persepsi individu mengenai pertanian di Tanah Tinggi Lojing memberi kesan yang positif terhadap sosio ekonomi penduduk. Terdapat dua persepsi responden iaitu setuju dan sangat setuju.

Seramai 25 peratus responden menyatakan bahawa mereka setuju bahawa pertanian di Tanah Tinggi Lojing memberi kesan positif terhadap sosio ekonomi penduduk. Manakala, seramai 75 peratus responden pula memberikan jawapan bahawa mereka sangat setuju bahawa pertanian di Tanah Tinggi Lojing memberikan kesan positif terhadap sosio ekonomi penduduk.

4.4.3 Sambutan Masyarakat Setempat


CARTA 4.10 : PERTANIAN DI TANAH TINGGI LOJING MENDAPAT SAMBUTAN DARI MAYARAKAT SETEMPAT



Carta 4.10 menunjukkan persepsi individu terhadap sambutan masyarakat setempat terhadap pertanian di Tanah Tinggi Lojing. Terdapat tiga persepsi individu iaitu tidak setuju, setuju dan sangat setuju.


Terdapat seramai 63 peratus responden menyatakan bahawa pertanian di Tanah Tinggi Lojing mendapat sambutan dari masyarakat setempat. 34 peratus responden pula menyatakan mereka setuju bahawa pertanian di Tanah Tinggi Lojing mendapat sambutan masyarakat setempat. Manakala, tiga peratus lagi menyatakan mereka tidak setuju bahawa pertanian di Tanah Tinggi Lojing mendapat sambutan masyarakat setempat.

4.4.4 Pembangunan Pertanian di Tanah Tinggi Lojing Perlu Di Teruskan Pada Masa Akan Datang




Carta 4.11 menunjukkan persepsi responden terhadap pertanian di Tanah Tinggi Lojing perlu diteruskan pada masa akan datang. Terdapat seramai 52 peratus responden menyatakan bahawa mereka sangat setuju jika pertanian di Tanah Tinggi Lojing diteruskan pada masa akan datang. Manakala, terdapat 48 peratus responden menyatakan bahawa mereka setuju jika pertanian di Tanah Tinggi Lojing diteruskan pada masa akan datang.

4.4.5 Penambahbaikan Dalam Kemudahan Infrastruktur




Carta 4.12 menunjukkan persepsi individu terhadap pertanian di Tanah Tinggi Lojing menyebabkan penambahbaikan dalam kemudahan infrastruktur. Terdapat dua persepsi individu iaitu setuju dan sangat setuju. Seramai 67 peratus responden menyatakan mereka sangat setuju dan 33 peratus responden bersetuju bahawa pertanian di Tanah Tinggi Lojing menyebabkan penambahbaikan dalam kemudahan infrastruktur.

4.4.6 Modal




Carta 4.13 menunjukkan persepsi individu mengenai modal yang diberikan oleh pihak kerajaan. Seramai 63 peratus responden setuju dan 30 peratus responden sangat setuju bahawa modal yang diberikan oleh kerajaan mencukupi. Manakala, seramai tujuh peratus responden tidak setuju dengan pernyataan modal yang diberikan oleh kerajaan mencukupi.

4.4.7 Kos Penyelenggaraan



Carta 4.14 menunjukkan bahawa kos penyelenggaraan pertanian di Tanah Tinggi Lojing adalah tinggi. Seramai 78 peratus responden setuju dengan pernyataan kos penyelenggaraan pertanian di Tanah Tinggi Lojing adalah tinggi. Manakala, seramai 22 peratus responden pula menyatakan bahawa mereka sangat setuju bahawa kos penyelenggaraan di Tanah Tinggi Lojing adalah tinggi.

4.4.8 Tahap Pendidikan Mempengaruhi Pendapatan



Carta 4.15 menunjukkan persepsi individu mengenai tahap pendidikan responden mempengaruhi pendapatan yang diperoleh oleh mereka. Terdapat empat persepsi responden mengenai pernyataan ini iaitu tidak setuju, kurang setuju, setuju dan sangat setuju.

Seramai lima peratus dan sembilan peratus responden memberikan jawapan bahawa mereka tidak setuju dan kurang setuju dengan pernyataan bahawa tahap pendidikan responden mempengaruhi pendapatan yang diperoleh oleh mereka. Manakala seramai 47 peratus dan 39 peratus responden menyatakan bahawa mereka sangat setuju dan setuju bahawa tahap pendidikan responden mempengaruhi pendapatan yang diperoleh oleh responden.

4.4.9 Penggunaan Teknologi Moden Mempengaruhi Hasil Pengeluaran Tanaman Pertanian

CARTA 4.16 : TEKNOLOGI MODEN MEMPENGARUHI HASIL PENGELUARAN TANAMAN PERTANIAN DI TANAH TINGGI LOJING



Carta 4.16 menunjukkan persepsi individu terhadap penggunaan teknologi moden mempengaruhi hasil pengeluaran tanaman pertanian di Tanah Tinggi Lojing. Seramai 64 peratus responden sangat setuju bahawa teknologi moden mempengaruhi hasil pengeluaran tanaman pertanian di Tanah Tinggi Lojing. Manakala, seramai 36 peratus responden setuju dengan pernyataan bahawa penggunaan teknologi moden mempengaruhi hasil pengeluaran tanaman pertanian di Tanah Tinggi Lojing.

4.5 FAKTOR-FAKTOR YANG MENDORONG RESPONDEN MENGIKUTI PROJEK PERTANIAN DI TANAH TINGGI LOJING

Jadual 4.1 Faktor-faktor Yang Mendorong Responden Mengikuti Projek Pertanian Di Tanah Tinggi Lojing

Faktor	Kekerapan	Peratus (%)
Bantuan Kerajaan	4	4
Peluang kerja	5	5
Teknologi	4	4
Taklimat dari Jabatan Pertanian	3	3
Menambah Pendapatan	84	84
Jumlah	100	100

Jadual 4.1 menunjukkan faktor-faktor yang mendorong responden mengikuti projek pertanian di Tanah Tinggi Lojing. Terdapat lima faktor yang mendorong responden mengikuti projek pertanian ini iaitu bantuan dari kerajaan, peluang pekerjaan, tingkat teknologi, taklimat dari Jabatan Pertanian dan juga menambah pendapatan responden.

Faktor utama yang menyebabkan responden mengikuti projek pertanian ini adalah untuk menambahkan pendapatan iaitu dengan kekerapan responden seramai 84 orang. Faktor taklimat dari Jabatan Pertanian adalah faktor yang terendah yang mendorong responden mengikuti projek pertanian di Tanah Tinggi Lojing dengan kekerapan responden seramai tiga orang. Seramai empat orang responden yang memberikan jawapan bahawa bantuan kerajaan adalah faktor yang menyebabkan mereka mengikuti projek pertanian ini. Peluang pekerjaan adalah merupakan antara faktor yang menyebabkan responden mengikuti projek pertanian di Tanah Tinggi Lojing iaitu dengan kekerapan responden seramai lima orang. Faktor terakhir adalah tingkat teknologi dengan kekerapan responden adalah seramai empat orang.

4.6 MASALAH YANG DIHADAPI DALAM AKTIVITI PERTANIAN DI TANAH TINGGI LOJING

Berdasarkan kepada temubual yang dijalankan bersama pegawai yang menguruskan tentang pembangunan pertanian di Tanah Tinggi Lojing, terdapat beberapa masalah yang dihadapi di kawasan ini. Antara masalah yang dihadapi adalah pemaju yang diberikan kawasan atau tanah untuk memajukan tanah tersebut sebagai kawasan pertanian telah menyewakan tanah tersebut kepada pihak yang lain. Hal ini telah menyebabkan penyewa tersebut meneroka kawasan tanah terbabit dengan rakus tanpa mengambilkira demografi dan geografi kawasan terbabit serta tanpa kelulusan dari Pejabat Tanah dan Jajahan Gua Musang, Kelantan. Masalah lain yang dihadapi adalah pemaju yang terlibat dengan pertanian di kawasan ini telah mengupah tenaga kerja yang ramai dari negara luar seperti Indonesia untuk bekerja dengan mereka. Keadaan ini menyebabkan penduduk tempatan kurang pendapatan.

4.7 ANALISIS MODEL KAJIAN

4.7.1 Analisis Regresi Mudah

$$Y = \beta_0 + \beta_1 \text{EDU} + \varepsilon$$

$$Y = -0.641 + 1.004\text{EDU} + \varepsilon \quad R^2 = 0.604$$

Dimana,

Y = Pendapatan

EDU = Tahap Pendidikan

Berdasarkan model regresi mudah di atas, pembolehubah bebas iaitu tahap pendidikan dapat mempengaruhi pendapatan responden.

Nilai R Square dalam model regresi di atas adalah 0.611. Situasi ini menunjukkan bahawa 61.1 peratus perubahan atau variasi dalam pembolehubah bersandar iaitu pendapatan dapat diterangkan oleh pembolehubah bebas iaitu tahap pendidikan.

Di samping itu, nilai *Coefficient* bagi setiap pembolehubah di atas boleh menerangkan kesan kepada pembolehubah bersandar. Nilai *Coefficient* bagi pembolehubah bebas bagi tahap pendidikan adalah 0.082. Hal ini bermaksud peningkatan dalam tahap pendidikan responden akan menyebabkan pertambahan pendapatan sebanyak RM 0.08. Oleh itu, perhubungan antara pendapatan dan tahap pendidikan adalah positif.

4.7.2 Ujian Signifikan

Ujian signifikan dilakukan bagi menilai sama ada pembolehubah bebas iaitu tahap pendidikan yang dimiliki oleh responden mempunyai hubungan atau pun tidak dengan pembolehubah bersandar iaitu pendapatan. Jadual 4.7 di bawah menunjukkan output *Coefficient* bagi pembolehubah bebas tersebut.

Jadual 4.2 *Coefficient*

Model	Unstandardized Coefficients		Standardized Coefficients	T	Sig.
	B	Std. Error	Beta	B	Std. Error
1 (Constant)	-.641	.222		-2.884	.015
pendidikan	1.004	.082	.777	12.238	.000

a Dependent Variable: pendapatan

Ujian signifikan adalah untuk menguji perhubungan antara pembolehubah bebas iaitu tahap pendidikan yang dimiliki oleh responden dengan pembolehubah bersandar iaitu pendapatan.

Hipotesis:

$$H_0 : \beta_1 = 0$$

(Tahap pendidikan tidak mempengaruhi pendapatan)

$$H_1 : \beta_1 \neq 0$$

(Tahap pendidikan mempengaruhi pendapatan)

Berdasarkan Jadual 4.2 di atas, nilai signifikan bagi pembolehubah bebas tahap pendidikan adalah 0.00 dan nilai ini adalah lebih kecil daripada nilai aras keertian satu peratus. Apabila nilai signifikan lebih kecil dari nilai aras keertian, maka tolak H_0 . Apabila H_0 di tolak, ini bererti bahawa tahap pendidikan yang dimiliki oleh responden mempengaruhi tingkat pendapatan responden. Nilai signifikan ini juga menunjukkan bahawa terdapat perhubungan positif antara pembolehubah bebas bersandar. Kesimpulannya, pada aras keertian 10 peratus, H_0 ditolak. Hal ini menunjukkan bahawa tahap pendidikan yang dimiliki oleh responden mempengaruhi jumlah pendapatan responden.

Jadual 4.3 ANOVA

ANOVA(b)

Model		Sum of Squares	Df	Mean Square	F	Sig.
1	Regression	93.692	1	93.692	149.764	.000(a)
	Residual	61.308	98	.626		
	Total	155.000	99			

a Predictors: (Constant), pendidikan

b Dependent Variable: pendapatan

Berdasarkan jadual anova 4.3 di atas, nilai signifikan 0.000 adalah lebih kecil dari nilai aras keertian satu peratus. Keputusan ini menunjukkan bahawa tolak H_0 . Oleh itu, diketahui bahawa pembolehubah bebas iaitu tahap pendidikan mempengaruhi pembolehubah bersandar iaitu pendapatan. Kesimpulannya, pada aras keertian satu peratus, keputusan hipotesis adalah tolak H_0 yang bermaksud tahap pendidikan mempengaruhi pendapatan responden.

4.8 ANALISIS *CROSSTABS*

4.8.1 Analisis Antara Pendapatan Dengan Tahap Pendidikan

Analisis antara pendapatan dengan tahap pendidikan adalah bertujuan untuk melihat sama ada jumlah pendapatan responden yang terlibat dalam aktiviti pertanian di Tanah Tinggi Lojing dipengaruhi oleh tahap pendidikan yang dimiliki oleh responden.

Jadual 4.4 menunjukkan analisis pendapatan dengan tahap pendidikan responden. Bagi responden yang tidak bersekolah (15 orang), mereka memperoleh pendapatan antara RM 500 hingga RM 1580. Manakala, terdapat 35 orang yang mempunyai tahap pendidikan UPSR/sekolah rendah. Dari jumlah ini, 94.23 peratus responden memperoleh pendapatan sebanyak RM 500 hingga RM 1580 dan 5.77 peratus memperoleh pendapatan antara RM 1581 hingga RM 2661. Terdapat 33 orang responden mempunyai tahap pendidikan PMR. Bagi responden yang mempunyai tahap pendidikan PMR, seramai 60.6 peratus memperoleh pendapatan antara RM 500 hingga RM 1580, 78.79 peratus memperoleh pendapatan RM 1581 hingga RM 2661, 9.09 peratus berpendapatan antara RM 2662 hingga RM 3742 dan 3.03 peratus memperoleh pendapatan RM 3743 hingga RM 4823 dan RM 4824 hingga RM 5904. Manakala, bagi responden yang mempunyai tahap pendidikan SPM (16 orang), pendapatan yang diperoleh oleh mereka adalah dua orang memperoleh pendapatan sebanyak RM 1581 hingga RM 2661, enam orang memperoleh pendapatan antara RM 2662 hingga RM 3742, RM 3743 hingga RM 4823 seramai empat orang, RM 4824 hingga RM 5904 seramai dua orang dan masing-masing satu orang bagi mereka yang memperoleh pendapatan antara RM 5905 hingga RM 6985 dan RM 6986 hingga RM 8066. Manakala bagi seorang responden yang mempunyai tahap pendidikan STPM/Diploma, tahap pendapatannya adalah antara RM 4824 hingga RM 5904.

Keseluruhannya, didapati bahawa tingkat pendapatan yang diperoleh oleh responden dipengaruhi oleh tahap pendidikan. Hal ini dapat dilihat apabila responden yang

mempunyai tahap pendidikan rendah memperoleh pendapatan yang sedikit. Namun begitu, terdapat sebab-sebab lain yang mempengaruhi pendapatan responden seperti pengalaman, kemahiran responden yang tinggi dalam bidang pertanian serta penggunaan tingkat teknologi.

Jadual 4.4 Hubungan Antara Tingkat Pendapatan Dengan Tahap Pendidikan

	Pendapatan (RM)							Jumlah
	500	1581	2662	3743	4824	5905	6986	
	-	-	-	-	-	-	-	
	1580	2661	3742	4823	5904	6985	8066	
pendidikan tak bersekolah	15	0	0	0	0	0	0	15
UPSR/ sekolah rendah	33	2	0	0	0	0	0	35
PMR	2	26	3	1	1	0	0	33
SPM	0	2	6	4	2	1	1	16
STPM/Diploma	0	0	0	0	1	0	0	1
Jumlah Responden	50	30	9	5	4	1	1	100

4.9 KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, hasil kajian menunjukkan bahawa pertanian di Tanah Tinggi Lojing memberi kesan yang positif kepada sosio-ekonomi penduduk di Tanah Tinggi Lojing. Antaranya adalah berlaku peningkatan dalam pendapatan penduduk serta kemudahan-kemudahan infrastruktur di Tanah Tinggi Lojing meningkat.

BAB 5

CADANGAN DAN KESIMPULAN

5.1 PENDAHULUAN

Bab ini secara keseluruhannya memperjelaskan secara menyeluruh tentang hasil kajian yang telah dijalankan. Antara aspek yang dikupas dalam bab ini adalah berdasarkan kepada beberapa sub topik utama iaitu dapatan kajian, cadangan kajian dan kesimpulan. Kesemua sub topik ini secara umumnya dapat menerangkan tentang kajian ini dengan lebih khusus dan mendalam.

5.2 DAPATAN KAJIAN

Sektor pertanian adalah merupakan salah satu sektor yang sangat diambil perhatian oleh kerajaan pada masa kini. Hal ini kerana sektor ini merupakan salah satu sektor terpenting dalam pembangunan negara dan juga dalam pendapatan negara. Keadaan ini dapat dilihat apabila negara telah melaksanakan tiga peringkat bagi Dasar Pertanian Negara iaitu Dasar Pertanian Negara Satu (DPN1), Dasar Pertanian Negara Dua (DPN2) dan sekarang negara sedang melaksanakan Dasar Pertanian Negara Tiga (DPN3) dari tahun 1997 hingga 2010. DPN3 tetap berteraskan kepada DPN1 dan DPN2 tetapi ianya mengambil kira perkembangan ekonomi semasa, umpunya kesan kejatuhan ringgit terhadap keselamatan bekalan makanan negara dan kesan liberalisasi perdagangan terhadap daya saing pengeluaran dan perdagangan pertanian.

Dalam menggalakkan perumbuhan sektor pertanian, kerajaan sedang menyediakan beberapa tabung kewangan iaitu Tabung Untuk Makanan yang dikenali juga sebagai Kemudahan 3F (Fund for Food) dan Tabung Industri Kecil dan Sederhana (TIKS).

Kemudahan 3F adalah khusus untuk membiayai aktiviti pengeluaran makanan dan pemprosesan makanan. Manakala, kemudahan TIKS pula boleh membiayai industri berasaskan pertanian. Bagi memastikan objektif penubuhan tabung-tabung ini mencapai matlamatnya, kerajaan mengkaji dari masa ke semasa syarat-syarat kemudahan pinjaman kewangan tersebut.

Selain dari tabung-tabung yang disediakan oleh kerajaan, Agro Bank Malaysia juga adalah merupakan salah satu sumber kewangan bagi pembangunan pertanian. Agro Bank Malaysia telah dikorporatkan pada 1 April 2008 dan dahulunya ia dikenali sebagai Bank Pertanian Malaysia. Agro Bank adalah sebuah bank yang menyediakan perkhidmatan kewangan dan perbankan yang menyeluruh. Bank ini mengutamakan kehendak dan keperluan para pelanggan dengan menyediakan pelbagai produk dan perkhidmatan seperti simpanan, khidmat perbankan, kemudahan pinjaman, perlindungan insurans dan khidmat nasihat. Agro Bank adalah sebuah bank milik kerajaan (GLC) di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Bank ini menawarkan kemudahan kredit atau pinjaman dalam semua aspek untuk memoden dan membangunkan sektor pertanian, penternakan dan perikanan dalam negara.

Jabatan dan agensi yang terlibat dalam pertanian di Malaysia di antaranya adalah Jabatan Pertanian Malaysia, Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA), Institut Pembangunan dan Penyelidikan Pertanian Malaysia (MARDI), Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Agrobank Malaysia, Lembaga Industri Nenas Malaysia (MPIB), Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Jabatan Perikanan Malaysia, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia, dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia. Namun begitu, hanya dua agensi atau jabatan sahaja yang terlibat dalam aktiviti pertanian di Tanah Tinggi Lojing iaitu KADA dan Jabatan Pertanian.

Daripada hasil kajian dan temubual yang dijalankan ke atas peserta aktiviti pertanian di Tanah Tinggi Lojing, didapati bahawa mereka mendapat modal daripada kerajaan

negeri serta Agrobank Malaysia. Hal ini menyebabkan aktiviti pertanian di Tanah Tinggi Lojing dapat dijalankan dengan mudah kerana kerana modal disediakan oleh pihak kerajaan negeri Kelantan seperti tingkat teknologi.

Selain itu, dapatan kajian juga mendapati bahawa peserta-peserta pertanian di Tanah Tinggi Lojing juga telah mendapat khidmat nasihat dan bimbingan keusahawanan serta pertanian berasaskan hasil pertanian dari Jabatan Pertanian Negeri Kelantan serta Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA). Hal ini menyebabkan hasil daripada aktiviti pertanian yang dijalankan oleh para peserta adalah banyak, berkualiti, dan menguntungkan serta meningkatkan pendapatan peserta, penduduk dan juga pendapatan negeri Kelantan.

5.3 CADANGAN KAJIAN

Daripada hasil kajian yang telah dibuat, didapati bahawa terdapat beberapa isu atau masalah yang timbul di kawasan pertanian di Tanah Tinggi Lojing yang perlu diambil perhatian segera. Ini kerana sekiranya permasalahan ini dibiarkan secara tidak langsung ianya akan menyebabkan pendapatan penduduk serta negeri Kelantan berkurangan dan juga penerokaan tanah secara berleluasa akan meningkat.

Berdasarkan kajian yang dijalankan, terdapat beberapa isu-isu atau masalah yang ditemui. Antaranya adalah pemaju yang diberikan kawasan atau tanah untuk memajukan tanah tersebut sebagai kawasan pertanian telah menyewakan tanah tersebut kepada pihak yang lain menyebabkan banyak tanah di Tanah Tinggi Lojing di teroka dengan berleluasa. Selain itu, pemaju atau peserta yang terlibat dengan pertanian di kawasan ini telah mengupah tenaga kerja yang ramai dari negara luar seperti Indonesia untuk bekerja dengan mereka yang boleh menyebabkan penduduk tempatan tidak memperoleh pekerjaan. Oleh itu, beberapa cadangan diketengahkan bagi mengatasi masalah-masalah yang timbul. Antara cadangan tersebut adalah:

a) Pemaju atau peserta perlu mengusahakan tanah sendiri

Pemaju atau peserta yang telah diberikan kebenaran serta mengusahakan tanah yang diberikan oleh kerajaan negeri perlu mengusahakan tanah tersebut sendiri tanpa meyewakannya kepada pihak yang ketiga. Hal ini tanah yang diberikan oleh kerajaan kepada mereka adalah untuk melakukan aktiviti pertanian dan penerokaan tanah diluluskan oleh Jabatan Alam Sekitar. Jika tanah yang diberikan kepada mereka diberikan kepada pihak yang lain, mereka akan meneroka tanah tersebut tanpa terancang dan tidak mendapat kelulusan daripada Laporan Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA). Keadaan ini boleh menyebabkan berlakunya pencemaran di Tanah Tinggi Lojing.

b) Pihak yang berwajib perlu menguatkuasakan undang-undang

Bagi mengurangkan masalah yang timbul di Tanah Tinggi Lojing, pihak yang berkuasa seperti Pejabat Tanah dan Jajahan Gua Musang Kelantan serta Jabatan Alam Sekitar perlu sentiasa melakukan rondaan di kawasan Tanah Tinggi Lojing. Sebagai contoh, pada tahun 2007, syarikat pertanian, Liquid Gold Sdn Bhd telah dikenakan denda sebanyak RM 10,000 kerana kesalahan menjalankan aktiviti pembersihan tanah yang menjejaskan alam sekeliling di Tanah Tinggi Lojing pada Januari 2006. Apabila terdapat syarikat dikenakan tindakan, keadaan ini menyebabkan orang lain akan takut untuk melakukan kesalahan yang sama.

c) Mengurangkan penggunaan tenaga buruh asing

Peserta atau pemaju kawasan pertanian di Tanah Tinggi Lojing juga perlu mengurangkan penggunaan tenaga buruh asing bagi memberi peluang kepada penduduk tempatan untuk memperoleh pendapatan di negeri sendiri dan mengurangkan tahap pengangguran di negeri Kelantan. Apabila pengangguran berkurangan, tahap kemiskinan akan berkurangan, seterusnya menyebabkan kuasa beli penduduk meningkat. Kuasa beli penduduk yang meningkat menjelaskan bahawa pendapatan ekonomi penduduk meningkat dan

seterusnya meningkatkan pendapatan ekonomi negeri Kelantan. Keadaan ini secara tidak langsung menyebabkan pendapatan negara juga meningkat.

5.4 KESIMPULAN

Sektor pertanian merupakan salah satu sektor yang mampu memberikan pulangan yang lumayan kepada petani itu sendiri, negeri dan juga negara. Sekiranya diamati, semua negara di dunia bergantung kepada sektor pertanian kerana peranan utamanya adalah menyediakan makanan, sama ada mengeluarkan sendiri atau mengimport. Di Malaysia, sektor pertanian tetap cerah kerana pengeluaran barangan pertanian seperti padi, ikan, sayuran, ternakan dan buah-buahan akan terus dikeluarkan kerana ianya adalah makanan asasi penduduk Malaysia. Penggubalan dan pelaksanaan tiga Dasar Pertanian Negara (DPN) sejak tahun 1984 iaitu DPN1, DPN2 dan DPN3 dalam memajukan sektor pertanian merupakan tindakan yang perlu diambil dan harus disokong oleh semua pihak demi kebaikan bersama.

RUJUKAN

Jabatan Pertanian Negeri Kelantan.

Unit Perancang Ekonomi Negeri Kelantan.

Pejabat Tanah dan Jajahan Gua Musang, Kelantan.

DPN3 Lambang Kebangkitan Semula Sektor Pertanian (1999, June). Retrieved June 1, 1999. www.bharian.com.my

www.utusan.com.my

Rancangan Malaysia Ke-Sembilan.

Dasar Pertanian Negara.

Laporan Pembangunan Tanah Tinggi Lojing. (April 24, 2007). [Malaysia Today](http://www.malaysiatoday.com).

Richard H. Day (December 2004). "Behavioral Economics : Implications For Economic Theory And Policy." *Journal of Socio-Economics*. Science Direct

Richard E. and David, Z (1988), "The Effects of Agricultural Development Policies on Income Distribution and Technological Change in Agriculture." *Journal of Development Economics*.

Nik Hashim, NM (1981), "The Aspects of Socio-economic Problems to Credit in Meranti and Salor Paddy Areas of Kelantan, Malaysia."

Arild, A (1999), "Agricultural Expansion and Deforestation : Modelling the Impact of Population, market Forces and Property Rights." *Journal of Development Economics*

Michael, R (2006), "Dynamics of Agricultural Groundwater Extraction : Comment and Correction." *Journal of Ecological Economics*.

Pelan Tindakan Pembangunan 10 Tahun Jabatan/ Agensi/ Syarikat di Tanah Tinggi Lojing 2006 hingga 2015.

LAMPIRAN

Lampiran I (Borang Soal Selidik)

BAHAGIAN A: LATAR BELAKANG RESPONDEN

1. Jantina

- Lelaki
- Perempuan

2. Bangsa

- Melayu
- Cina
- India
- Lain-lain, nyatakan _____

3. Berapakah umur anda , nyatakan _____

4. Taraf Perkahwinan

- Bujang
- Berkahwin
- Duda / janda

5. Tahap pendidikan

- Tak bersekolah
- UPSR / sekolah rendah
- PMR
- SPM
- STPM / Diploma
- Ijazah dan keatas
- Lain-lain, nyatakan _____

6. Berapakah jumlah pendapatan sebulan anda?
Nyatakan RM _____

7. Berapakah jumlah tanggungan isi rumah anda?
 ____ Orang

**BAHAGIAN B: PERSEPSI INDIVIDU TERHADAP PEMBANGUNAN
 PERTANIAN DI TANAH TINGGI LOJING, GUA MUSANG, KELANTAN**

Bagi soalan berikutnya, anda dikehendaki menjawab soalan berdasarkan skala yang diberikan.

Sangat setuju	5
Setuju	4
Kurang setuju	3
Tidak setuju	2
Sangat tidak setuju	1

8. Adakah anda bersetuju dengan program pembangunan Pertanian di Tanah Tinggi Lojing, Gua Musang, Kelantan.	1	2	3	4	5
9. Pembangunan pertanian di Tanah Tinggi Lojing, Gua Musang, Kelantan memberi kesan yang positif terhadap sosio ekonomi penduduk.	1	2	3	4	5
10. Pembangunan pertanian di Tanah Tinggi Lojing mendapat sambutan dari masyarakat setempat.	1	2	3	4	5
11. Kerajaan perlu mengenakan caj bagi program pembangunan pertanian di Tanah Tinggi Lojing.	1	2	3	4	5
12. Program pembangunan pertanian di Tanah Tinggi Lojing perlu diteruskan pada masa akan datang.	1	2	3	4	5
13. Pertanian di Tanah Tinggi Lojing menyebabkan berlaku penambahbaikan dalam kemudahan infrastruktur.	1	2	3	4	5

14. Modal yang dibekalkan oleh pihak kerajaan mencukupi.	1	2	3	4	5
15. Kos penyelenggaraan adalah tinggi.	1	2	3	4	5
16. Tahap pendidikan mempengaruhi pendapatan yang diperolehi.	1	2	3	4	5
17. Teknologi moden mempengaruhi hasil pengeluaran tanaman pertanian.	1	2	3	4	5

18. Apakah masalah yang wujud dalam aktiviti pertanian di Tanah Tinggi Lojing?



UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

TERIMA KASIH ATAS KERJASAMAYANG DIBERIKAN
DALAM MENJAYAKAN KAJIAN INI

KESAN PEMBANGUNAN PERTANIAN DI TANAH TINGGI LOJING, GUA MUSANG, KELANTAN
TERHADAP SOSIO-EKONOMI PENDUDUK - NUR FAUZANI BINTI MOHD NOOR